

ITIK KAPAS
Cotton Pygmy-goose

FAMILI: Anatidae
NAMA SAINTIFIK: *Nettapus coromandelianus*



CIRI-CIRI

Bersaiz kecil dengan bahagian kepala berwarna hitam serta dada dan atas badan berwarna gelap. Bahagian tepi kepala, leher dan bawah badan berwarna putih. Bahagian atas badan dan sayap berwarna hijau terang yang berkilat manakala bawah ekor berwarna kehitaman. Semasa terbang, jalur putih pada bulu primer dan hujung bulu sekunder dapat dilihat pada sayap yang berbentuk agak bulat. Burung betina mempunyai jalur hitam di bahagian atas mata. Bahagian atas badan agak pudar dan lebih coklat, leher dan bawah badan berwarna coklat-hijau lusuh dengan bintik-bintik gelap di dada. Jalur-jalur gelap di dada hampir tidak kelihatan. Individu juvenil seakan-akan burung betina tetapi bahagian tepi kepala tidak berwarna putih cerah, jalur-jalur di bahagian mata agak tebal dan warna di bahagian atas badan tidak berkilat.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 33.0-38.0 sm.

MAKANAN

Vegetasi akuatik, biji-bijian, ikan kecil, amfibia, siput dan cacing.

TABIAT

Kebiasaannya dilihat dalam kumpulan-kumplan kecil dan mencari makan di atas permukaan air.

HABITAT

Kawasan tasik, paya air tawar, kadang-kala di paya bakau, kawasan tanah lembap hinggalah ke ketinggian 800 m dari aras laut.

BUNYI

Berbunyi *WUK-wirrarakWUK-wirrarakWUK*..... Burung betina menghasilkan bunyi *quack*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan dari bulan Jun hingga Ogos. Sarangnya dibina pada lubang pokok. Ketinggian sarang adalah antara 2-21sm dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 8-4 biji telur yang berwarna putih berkilat pada setiap musim pembiakan. Anggaran saiz telur adalah 43.1 x 32.9 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.